


Hikayat, hakikat Manuskrip Melayu

S
2




MEMBICARAKAN pelbagai sudut ilmu pengetahuan, manuskrip Melayu sememangnya diakui sebagai salah satu hasil seni dan bukti yang memperkenalkan ketinggian dan keunggulan daya cipta masyarakat Melayu terdahulu.

Yang dimaksudkan sebagai manuskrip Melayu ialah karya-karya yang ditulis tangan berbahasa Melayu dengan menggunakan tulisan jawi yang dihasilkan akhir abad ke-15 hingga awal abad ke-20.

Warisan intelek daripada zaman silam yang dimartabatkan sebagai dokumen warisan negara itu merupakan hasil cetusan minda masyarakat Melayu tradisional yang mencerminkan kekayaan ilmu dan kegemilangan Tamadun Melayu.

Pelbagai maklumat tentang keilmuan masyarakat Melayu telah direkodkan oleh penulis manuskrip sendiri tentang kepakaran yang dimiliki mereka seperti ilmu hisab, perubatan, pelayaran, pendidikan Islam termasuklah pembuatan keris.



DAHULU manuskrip ditulis oleh cendekiawan dan menjadi rujukan oleh pihak istana terutama tentang perundangan.

Justeru, begitu menarik perhatian ialah ilmu pelayaran dan cara membuat keris

mempunyai kisahnya tersendiri termasuklah manuskrip perubatan yang menceritakan pengalaman penulis mengubati penyakit kemudian dikongsikan kepada orang lain.

Manuskrip menjadi bukti ketinggian dan keilmuan orang Melayu, namun cabaran besar wujud untuk memelihara dan memuliarkannya supaya ia dapat disaksikan oleh generasi akan datang.

Tiada tugu atau binaan yang boleh melambangkan keunggulan dan kemajuan tamadun Melayu. Tamadun lain boleh dibanggakan dengan tugu dan memorialnya tetapi Melayu, manuskriplah yang menceritakan segalanya.

Ikuti wartawan **S2, ROZIANAH RISMAN** dan **MOHAMAD ATHIR ISMAIL** bersama jurugambar **MD. SHAHJEHAN MD. AMIN** yang berpeluang melihat sendiri pameran warisan dalam catatan manuskrip berusia ratusan tahun di Muzium Warisan Melayu di Universiti Putra Malaysia, Serdang.



Warisan intelek daripada zaman silam yang dimartabatkan sebagai dokumen warisan negara itu merupakan hasil cetusan minda masyarakat Melayu tradisional yang mencerminkan kekayaan ilmu dan kegemilangan Tamadun Melayu.

Jejak kehebatan orang dahulu

MENJEJAK sejarah kehebatan orang dahulu kala bukan sesuatu yang mudah, tambah pula negara ini pernah dijajah oleh empat buah negara berbeza.

Walau bagaimanapun, usaha menjelajah dan mencari maklumat sejarah kejayaan orang terdahulu tetap dicari biarpun mengambil masa dan mengeluarkan belanja yang besar.

Seperti dibicarakan oleh Dekan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Profesor Dr. Abdul Mu'a'ti @ Zamri Ahmad** (gambar), manuskrip adalah bahan yang menjadi bukti sejarah dapat dilihat oleh masyarakat sekarang.

"Manuskrip merupakan dokumentasi cerita dan rekod pekerjaan, peristiwa dan ketamadunan masyarakat terdahulu yang turut mengandungi kejayaan dan kepakaran yang diperolehi mereka."

"Fokus kepada manuskrip Melayu, kebanyakannya menceritakan tentang kebijaksanaan orang pada zaman dahulu bukan sahaja di Tanah Melayu malah di seluruh kepulauan yang dipanggil *The Malay Archipelago*.


"Tetapi malangnya banyak manuskrip, artifak dan bukti sejarah lain telah diambil oleh penjajah terutama dari Portugal, Belanda dan British yang menyukarkan usaha menjelajah keagungan bangsa Melayu pada zaman dahulu," ujarnya kepada **S2**.

Menurut beliau, manuskrip ditemui dari seluruh pelosok negara banyak menceritakan tentang kebijaksanaan orang Melayu dahulu dalam pelbagai bidang.

"Kandungan dalam setiap manuskrip ini boleh dikatakan sebagai *The Wisdom of Malay* iaitu kebijaksanaan Melayu dalam bidang-bidang seperti sukan, ilmu alam, pelayaran, pembuatan senjata dan sebagainya."

"Saya pernah menemui pelbagai manuskrip Melayu lain dan dapat disimpulkan bahawa ia ditulis oleh golongan cerdik pandai kemudian disimpan di istana menjadi rujukan oleh para sultan."

"Lazimnya yang menjadi rujukan para sultan ialah manuskrip tentang hukum."



BANYAK manuskrip tulisan Sheikh Omar Basheer Al-Khalidi menceritakan pelbagai peristiwa termasuk tentang diri dan keluarganya.

Daripada situ, dapat dilihat tentang cara pentadbiran dan pemerintahan pada zaman dahulu dan jenis undang-undang digunakan," katanya.

Dalam pada itu, Abdul Mu'a'ti turut memberitahu usaha pencarian manuskrip Melayu bukan sahaja terhad di dalam negara tetapi ia dicari dan dikaji di luar negara terutama yang pernah menjajah Malaysia.

"Kita menghadapi pelbagai cabaran untuk mencari dan mengkaji manuskrip seperti kekangan daripada sudut peruntukan, mengenalpasti pemegangnya dan juga mengenalpasti sama ada ia asli ataupun palsu."

"Memang banyak orang menjual manuskrip yang didakwanya



sebagai sebuah kisah lama dan hikayat tertentu. Tetapi, kita boleh kenal pasti daripada jenis kertas, dakwat dan kajian saintifik untuk menentukan usia manuskrip tersebut.

"Saya menganggap sejarah begitu penting untuk generasi kita dan akan datang, tetapi terdapat segelintir pihak yang cuba mengaut keuntungan dengan menjual artifak palsu," tegasnya.

Tambah beliau lagi, cabaran lain yang perlu dihadapi oleh para pengkaji ialah, masalah membawa pulang manuskrip Melayu yang ada di luar negara.

"Di Belanda terdapat lebih 300 manuskrip Melayu yang diambil oleh kerajaan tersebut sewaktu penjajahan mereka di Tanah

Melayu sekitar kurun ke-17 dan 18.

"Menyentuh soal sejarah dan warisan yang merentasi negara, kita tertakluk di bawah Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa Bersatu (UNESCO) yang menggariskan pengambilan bahan sejarah dari negara lain."

"Disebabkan negara tersebut pernah menjajah Tanah Melayu, hasil tulisan, rekod termasuk sebarang dokumen menjadi milik mereka. Dalam garis panduan UNESCO juga menyatakan, kita tidak boleh mengambil semula bahan sejarah kecuali jika mereka hendak menjualnya. Susahlah

kalau dijual pada harga yang mahal, mana kita mampu hendak beli," ujarnya.

Abdul Mu'a'ti menambah, signifikannya pengumpulan manuskrip-manuskrip melayu adalah untuk menjadi motivasi serta inspirasi kepada generasi sekarang dan akan datang terutama dalam mencari jawapan kepada persoalan yang timbul.

"Kita dapati, kandungan 36 manuskrip yang dipamerkan di Muzium Warisan Melayu, mengandungi tulisan keilmuan dalam pelbagai bidang termasuk ilmu hisab (kira-kira), geografi dan sebagainya," katanya.

Tetapi malangnya banyak manuskrip, artifak dan bukti sejarah lain telah diambil oleh penjajah terutama dari Portugal, Belanda dan British yang menyukarkan usaha menjelajah keagungan bangsa Melayu pada zaman dahulu."

ABDUL MU'A'TI @ ZAMRI AHMAD



Ilmu hisab, perubatan, pelayaran

PADA zaman dahulu, kita sedia maklum kerajaan Melaka menerima kehadiran pedagang dari India, China, Aceh termasuklah negara-negara benua Eropah serta Uthmaniyyah dari Timur Tengah.

Secara tidak langsung, kesan daripada hubungan dagangan tersebut telah mewujudkan interaksi antara penduduk tempatan dengan masyarakat antarabangsa.

Begitu juga dengan masyarakat di Pantai Timur sekitar kurun ke-18 dan 19 yang berinteraksi dengan masyarakat luar melalui pelbagai aktiviti seperti perdagangan dan belajar di negara orang.

Teori tersebut tidak mustahil apabila terdapat pelbagai manuskrip ditemui yang mencatat ilmu dalam pelbagai bidang seperti tatacara dalam perubatan, pelayaran dan perkiraan dan dari mana sumber pengetahuan tersebut diperolehi.

Menurut Pengarah Muzium Warisan Melayu, Universiti Putra Malaysia, Dr. Muhammad Pauzi Abd Latif, keilmuan orang Melayu zaman dahulu boleh diumpamakan melampaui zaman kerana kebanyakan teori yang diaplikasi dahulu digunakan pada zaman sekarang.

"Kalaupun dibandingkan dengan teknologi sekarang, dalam benak fikiran kita pasti timbul persoalan bagaimana seorang nakhoda menentukan laluan kapalnya untuk sampai ke destinasi yang dikehendaki."


"Sedangkan pada waktu itu, tidak ada sistem penentu kedudukan global, komunikasi radio dan sebagainya. Tetapi, wujud kaedah menentukan kapal dan arah kiblat melalui teknik membaca kedudukan bayang."

"Terdapat sebuah manuskrip mempunyai carta yang boleh menerangkan kedudukan kapal sedang belayar. Menggunakan benang dan jarum yang dicucuk pada titik tengah carta tersebut, bayang-bayang benang akan dibaca pada tempat ia jatuh," katanya ketika ditemubual **S2** baru-baru ini.

Tambah beliau lagi, melalui bayang-bayang yang jatuh pada carta tersebut akan menentukan kedudukan kapal serta arah kiblat untuk memudahkan penumpang dan anak kapal menunaikan solat.

Selain itu, kebijaksanaan orang Melayu dahulu turut dapat dibuktikan melalui penemuan manuskrip ilmu perubatan yang dipanggil *Kitab Tib* tulisan Sheikh Omar Basheer Al-Khalidi di Pulau Pinang pada kurun ke-19.

Menurut Muhammad Pauzi, penulis adalah orang yang gemar



DR. MUHAMMAD PAUZI menerangkan manuskrip sains dan teknologi yang mengandungi ilmu perubatan, hisab dan pelayaran kepada pengunjung di Muzium Warisan Melayu.



BAYANG-BAYANG benang yang jatuh pada kedudukan tertentu dalam carta bulatan ini akan menentukan kedudukan kapal sedang belayar melalui nombor yang tertulis nama tempat.

menulis diari dengan merekod setiap peristiwa yang berlaku kepada diri dan keluarganya.

"Dalam *Kitab Tib* ada menerangkan tentang kaedah perubatan untuk mengubati pelbagai penyakit seperti batuk, lelah, kayap, senggugut, pitam dan juga resundung."

"Cerita dalam kitab tersebut menjelaskan anak kepada Sheikh Omar Basheer sering jatuh sakit. Justeru, beliau mempelajari kaedah perubatan yang dipercayai berasal dari negara Timur Tengah."

"Antara perubatan yang terkandung dalam manuskrip tersebut ialah kaedah merawat pitam atau sakit kepala dengan menggunakan kapur dan daun sirih. Bahan tersebut setelah digaulkan, ia dilekatkan dekat dari kiri dan kanan," ujarnya.

Kehebatan orang dahulu juga dapat dilihat dalam *Kitab Ilmu Hisab* yang ditulis oleh Sheikh Omar Nuruddin di Sungai Keladi,

Kelantan pada tahun 1910.

Jelas beliau, ilmu hisab yang dimaksudkan ialah matematik mudah yang menunjukkan formula pengiraan pada zaman sekarang telah pun digunakan sejak awal kurun ke-20.


"Formula yang terdapat dalam manuskrip tersebut ialah tentang cara pengiraan angka-angka besar dalam bentuk lazim yang mudah seperti mendarab dan bahagi."

"*Kitab tulisan jawi itu* menjelaskan teknik pengiraan sebagai contoh 30,000 dibahagi kepada tiga bersamaan dengan 10,000 dalam bentuk lazim sama macam zaman sekarang."

"Selain matematik asas, kitab tersebut turut menjelaskan cara mengira tahun lompat melalui kira-kira hari dan bulan dalam setahun. Dipercayai hampir sama dengan teknik yang digunakan sekarang, cuma formula itu telah digunakan sejak tahun tersebut," jelasnya.



PENGUNJUNG yang terdiri daripada mahasiswa Universiti Putra Malaysia menyaksikan manuskrip pembuatan keris yang dipamerkan di Muzium Warisan Melayu.



PEMBUAT keris perlu memastikan keseimbangan senjata tersebut termasuk hulunya untuk memastikan ia benar-benar sesuai dengan bakal pemiliknya.

Keris Hang Jebat sebelah negeri harganya

KERIS Hang Tuah, Taming Sari namanya. Ramai yang tahu hikayat dan legenda pahlawan Melayu itu pada zaman Kesultanan Melayu Melaka kerana keberanian serta ketiaatan kepada kepada Sultan dan negeri Melaka.

Selain hikayat tentang dirinya, keris Hang Tuah iaitu Taming Sari menjadi sebutan sehingga kini malah terdapat ribuan individu mengaku memiliki senjata asli tersebut.

Menceritakan tentang kandungan manusrip dan cara membuat keris, Pengarah Muzium Warisan Melayu, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Muhammad Pauzi Abd Latif, memberitahu manuskrip tersebut merupakan satu-satunya yang ada dalam dunia.

"Bangsa Melayu tidak ada suatu binaan yang dijadikan peringatan seperti kebanyakan tugu yang dibina oleh sesebuah tamadun. Justeru, manuskriplah yang mereka tulis untuk menceritakan tentang ilmu yang dimiliki."

"Terdapat 36 buah koleksi manuskrip menceritakan kehebatan orang Melayu zaman dahulu dipamerkan di muzium ini untuk tontonan dan pengkaji pengkaji sejarah."

"Dalam buku-buku sejarah orang Melayu karangan R.O Winstedt dan Stamford Raffles, tertulis bangsa Melayu antara

yang tertua di dunia. Justeru, dekat mana tegaknya tugu, bangunan dan sebagainya," soalnya ketika ditemui wartawan S2 baru-baru ini.

Terdapat sebuah manuskrip paling bernilai yang dipamerkan di muzium tersebut iaitu *Rahsia Pamor Keris* yang menceritakan tentang keris Hang Tuah dan Hang Jebat.

"Sewaktu berada di Kelantan, saya telah diberitahu tentang manuskrip *Rahsia Pamor Keris* ditulis oleh Abd Samad Faqih Abdullah yang dikenali sebagai Tok Pulai Condong.

"Menurut pemegang manuskrip tersebut, Tok Pulai adalah seorang ulama dan juga pendekar yang hebat. Selain itu, beliau juga seorang yang pandai membuat keris berdasarkan manuskrip tersebut.

"Penulisan manuskrip tersebut diperlakukan teliti ditulis pada abad ke-19, menariknya pada kurun tersebut Hang Tuah, Hang Jebat serta hulubalang-hulubalang lain pasti sudah meninggal dunia. Namun bagaimana Tok Pulai Condong dapat menulis tentang keris yang dimiliki dua pahlawan tersebut itu," ujarnya.

Muhammad Pauzi memberitahu, kisah penulisan manuskrip diberitahu oleh sumber yang rapat dengan Tok Pulai Condong dan ia tidak

tertulis dalam buku tersebut.

"Suatu malam sewaktu sedang tidur, Tok Pulai Condong dipercaya telah bermimpi didatangi oleh dua orang berbadan besar yang memperkenalkan dirinya sebagai Hang Tuah dan Hang Jebat.

"Dalam mimpi tersebut beliau telah dibertahu tentang rahsia keris Taming Sari milik Hang Tuah yang berharga sebuah negeri dan keris Pengkarang milik Hang Jebat berharga separuh negeri.

"Dalam mimpi itu, mereka turut memberitahu Tok Pulai Condong tentang bahan-bahan membuat keris tersebut dan jumlah jenis besi yang digunakan iaitu 20 untuk Taming Sari dan 10 bagi Pengkarang.


"Setelah sedar dari tidur, Tok Pulai Condong bingkas menulis semula apa yang telah diberitahu dalam mimpi. Soal kebenaran mimpi tersebut saya pun tidak berani mengesahkannya, tetapi itulah manuskrip yang telah ditulis," katanya.

Tambah beliau lagi, selepas mimpi tersebut Tok Pulai Condong menggunakan manuskrip yang ditulisnya itu sebagai panduan untuk membuat keris.

"Dalam manuskrip tersebut menerangkan cara membuat keris yang terbaik iaitu menggunakan kandungan besi yang betul, memastikan keseimbangannya serta hulu yang bakal mempengaruhi pemiliknya kelak dari segi cara pegang dan sebagainya."

"Dalam 20 jenis besi pada keris Taming Sari, terdapat sebuah yang didakwa menjadikan pemegangnya kebal atau tidak boleh ditembusi apabila ditikam. Besi tersebut ialah besi khursani. Ia tercatat dalam manuskrip *Rahsia Pamor Keris*.

"Pada saya, *Rahsia Pamor Keris* adalah manuskrip yang paling bernilai. Hanya ada satu sahaja dalam dunia dan soal keasliannya memang saya tahu dari segi tulisan, gaya bahasa dan kesan penuaan pada kertasnya. Sampai bila-bilapun saya tak akan jual," selorohnya.



GAMBAR rajah struktur keris Taming Sari dan Pengkarang pada manuskrip *Rahsia Pamor Keris* tulisan Abd Samad Faqih Abdullah pada kurun ke-19.